

Teksi Motosikal: Diskusi Awal Terhadap Garis Panduan Membonceng Wanita Ajnabiyah Menurut Perspektif Syarak

[Motorcycle Taxi: Initial Discussion on Guidelines for Riding Ajnabiyah Women According to The Sharia Perspective]

**Mohd Azhar Abdullah¹, Abdul Azib Hussain², Mohd Saiba Yaacob³,
Muhammad Lukman Ibrahim⁴ & Khairulnazrin Nasir⁵**

¹ (Corresponding Author) Department of al-Syariah, Faculty of Islamic Contemporary Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College

^{2&3} Department of al-Syariah, Faculty of Islamic Contemporary Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College

⁴ Department of al-Quran and Hadith, Islamic Science University of Malaysia (USIM)

⁵ Academy of Islamic Studies, University of Malaya Education Centre (UMEC)

ABSTRACT

The motor industry and motorcycle taxis have a bright future. The issue of population density in cities and road systems has become a massive challenge to the country's development. Motorcycle taxi services using Internet software booking systems are rapidly developing as a solution to traffic jams. Momentum Works Report for 2022: Gojek (motorcycle taxi) consumption is almost 64 million, compared to 33.6 million in Indonesia, Vietnam, and Singapore. Motorcycles have become popular in Indonesia, India, Cambodia, Vietnam, and Thailand, with over 7 million motorcycles sold since the 1970s. This development sparked the idea of offering a motorcycle taxi in early 2010 via the Gojek application. Today, over 50 cities in Indonesia, including Vietnam and Thailand, utilise it. The traffic congestion crisis and rising public service fares have also affected Malaysia. In early 2019, the initial proposal to expand Gojek in Malaysia sparked controversy, but it faced delays due to various factors. While some individuals praise Gojek for its practicality, the problem of Islamic law and public perception in Malaysia remains unresolved. Academic studies explicitly addressing the Gojek issue are scarce and often focus on the legal implications of having ajnabiyah women in the vehicle, a practice perceived as disrespectful, incompatible with Malaysian customs, and potentially defamatory. The perspective pertains to the social situations that arise during the ride. It's important to note that this restriction is not absolute. With creativity and modern innovation, it is not possible for the motor industry to produce a specific type of motorcycle that meets Islamic standards. This qualitative study explains the riding situations in accordance with syarak and presents several preliminary proposals as a solution to this problem. The motor industry can use this study's formula as a basis to design motorcycles

suitable for motorcycle taxis. The government can also set guidelines that are in line with syara' to preserve the maqasid of sharia.

Keywords: *Motorcycle taxi; hitchhiking; Ajnabiyah women; guidelines*

ABSTRAK

Industri pemotoran dan teksi motosikal mempunyai masa depan yang cerah. Isu kepadatan penduduk di kota-kota dan sistem jalan raya menjadi cabaran besar kepada pembangunan negara. Perkhidmatan teksi motosikal melalui sistem tempahan perisian internet berkembang dengan pesat sebagai solusi kepada kesesakan lalu lintas. Laporan Momentum Works bagi tahun 2022; penggunaan teksi motorsikal (*gojek*) hampir 64 juta berbanding *grab* 33.6 juta di Indonesia, Veitnam dan Singapura. Sejak tahun 1970-an motosikal mula popular di Indonesia, India, Kemboja, Vietnam dan Thailand dengan lebih 7 juta motosikal. Perkembangan ini mencetuskan idea menawarkan teksi motosikal pada awal tahun 2010 melalui aplikasi *Gojek*. Kini, lebih 50 kota di Indonesia telah menggunakannya, termasuk di Vietnam dan Thailand. Malaysia tidak terlepas dengan krisis kesesakan trafik dan peningkatan kos tambang perkhidmatan awam. Cadangan awal memperluaskan *Gojek* di Malaysia mula bergolak pada awal tahun 2019 tetapi ditangguhkan atas sebab tertentu. Walaupun sesetengah pihak menyifatkan *Gojek* sangat praktikal, namun isu hukum syarak dan persepsi masyarakat di Malaysia masih belum selesai. Kajian-kajian ilmiah secara khusus mengenai isu *gojek* tidak meluas dan tertumpu kepada aspek hukum membonceng wanita ajnabiyah yang disifatkan tidak sopan, tak sesuai dengan uruf Malaysia dan mengundang fitnah. Pandangan tersebut merujuk kepada situasi-situasi pergaulan ketika membonceng. Hakikatnya larangan ini tidak mutlak. Dengan daya kreativiti dan inovasi moden adalah tidak mustahil bagi industri pemotoran mengeluarkan sejenis motosikal khusus yang menepati piawaian syarak. Sehubungan itu, kajian kualitatif ini menjelaskan situasi-situasi membonceng menurut syarak dan mengemukakan beberapa cadangan awal sebagai solusi kepada permasalahan ini. Rumusan kajian ini boleh dijadikan cadangan kepada pihak industri pemotoran menghasilkan reka bentuk motosikal yang sesuai bagi teksi motosikal. Pihak kerajaan juga boleh menetapkan garis panduan yang bertepatan dengan syarak demi memelihara maqasid syariah.

Kata Kunci: Teksi motosikal; membonceng; wanita ajnabiyah; garis panduan

How to Cite:

Received : 14.04.2024
Accepted : 19.05.2024
Published : 27.05.2024

Abdullah, M. A., Hussain, A. A., Yaacob, M. S., Ibrahim, M. L., & Nasir, K. (2024). Teksi motosikal; Diskusi awal terhadap garis panduan membonceng wanita ajnabiyah menurut perspektif syarak. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 5(1), 49-73.

1. Pendahuluan

Pergaulan lelaki dengan wanita dalam dunia moden bersifat terbuka dan bebas. Kebebasan tersebut sering kali menimbulkan konflik apabila dikaitkan dengan moral atau agama. Pergaulan lelaki dengan wanita ajnabiyah dalam kenderaan awam atau persendirian sesuatu yang sukar dielakkan dalam kehidupan kota yang pesat dan maju. Justeru, penggunaan motosikal berkembang pesat sehingga dijadikan pengangkutan sewaan yang utama di Thailand, Indonesia, Vietman dan India. Teksi motosikal yang ditawarkan melalui aplikasi *Gojek* adalah satu bentuk pengangkutan awam berlesen yang menggunakan motosikal sebagai pengangkutan sewaan, membonceng seorang penumpang sahaja dalam satu masa. Sebelum itu, penggunaan motosikal berkembang sejak awal tahun 1970-an di Indonesia, India, Kemboja, Vietnam dan Thailand disebabkan harga murah, mudah dikendali dan cepat pergerakan. Akibat kesesakan trafik dan lambakan motosikal kapcai keluaran Honda, Yamaha dan Suzuki telah dikembangkan kepada teksi motosikal berlesen. Perkhidmatan tersebut sangat ideal bagi sesebuah kota raya yang padat seperti Jakarta dan Bombay kerana lebih cepat, murah dan dapat melewati sela-sela kesesakan lalu lintas di kota hingga menjangkau daerah-daerah dengan laluan yang sempit dan sulit dilalui oleh kereta (Wikipedia, 2020).

Lama-kelamaan Malaysia akan berdepan dengan masalah kesesakan trafik, pertambahan penduduk dan masalah peluang perkerjaan. Malaysia seharusnya bersedia lebih awal menghadapi cabaran penggunaan motosikal sebagai pengangkutan awam di masa hadapan. Idea dan cadangan *Gojek* di bawa ke tengah arus perdana pada Ogos 2019 oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH), tetapi ditangguhkan atas sebab-sebab tertentu. *Gojek* adalah sebuah syarikat yang membangunkan aplikasi menyediakan akses kepada pelbagai rangkaian perkhidmatan daripada pengangkutan hingga e-duit. *Gojek* dimulakan pada tahun 2010 bermula dengan perkhidmatan teksi motosikal yang ditempah melalui telefon. Kini, *Gojek* telah beralih kepada aplikasi mudah alih “Super Ap” dengan menawarkan 20 jenis perkhidmatan, termasuk GoRide (Teksi Motosikal). Kabinet telah mengarahkan pihak Kementerian Pengangkutan, Belia dan Sukan mengkaji untuk melihat kepada kaedah pelaksanaannya dan aspek perundangan sebelum dilaksanakan. Faedah *Gojek* ini akan menyediakan peluang perkerjaan kepada golongan belia dan kemudahan pelanggan mendapatkan perkhidmatan pengangkutan dengan mudah, cepat dan murah. (Sinar Harian, a. 2019).

Kajian menerusi laman *Twitter* dan *Facebook* mendapati 59.5 peratus atau 8,093 daripada 12,651 responden menolak idea pelaksanaan sistem pengangkutan *Gojek*. Isu yang dipersoalkan masyarakat merangkumi aspek

keselamatan, perancangan sistem perundangan, demografi penduduk, pertikaian antara industri dan kesan alam sekitar. Segelintir masyarakat pula menganggap usaha kerajaan memperkenalkan *Gojek* sebagai ‘langkah mundur’ serta tidak selari dengan kepesatan pembangunan Malaysia (BH Online; a.2019). Majoriti (2023) melaporkan kajian oleh *Pew Research Center* bahawa Malaysia kini berada pada tangga keempat penggunaan terbanyak motosikal di dunia apabila mencatatkan 83 peratus isi rumah memiliki kenderaan tersebut. Dapatan kajian tersebut menunjukkan rakyat di negara ini memerlukan motosikal sebagai pengangkutan utama harian mereka. Masyarakat menyatakan pendapat mereka dengan kos sara hidup serta kesesakan lalu lintas yang menjadi punca utama penduduk di negara ini lebih gemar menggunakan motosikal berbanding kenderaan empat roda lain.

Isu *Gojek* ini masih terlalu awal di Malaysia yang mengundang pelbagai reaksi; pro dan kontra. Tidak menghairankan, cadangan tersebut tidak disambut mesra daripada pakar-pakar Syariah (Malaysiakini, 2019; Astro Awani, 2019; Sinar Harian, a.2019). Perbincangan-perbincangan warganet *gojek* lebih tertumpu kepada hukum haram, mendatangkan maksiat dan membuka pintu perzinaan, terutama bagi golongan remaja dan belia (BH Onlie, b.2019). Dalam pada itu, pandangan ulama dan juga kajian-kajian ilmiah tidak memperincikan secara tersusun situasi-situasi atau aktiviti-aktiviti yang diharamkan atau dibolehkan bagi membonceng perempuan ajnabiyah. Perbincangan ulama yang banyak berkisar kepada pendalilan mengenai hukum haram membonceng perempuan ajnabiyah, apatah lagi *Gojek* belum popular di negara ini. Justeru, para sarjana Islam sewajar mendepani cabaran ini secara holistik sebelum kemajuan mengambil tempat tanpa kepedulian lagi terhadap Syariah. Garis panduan yang jelas dan menyeluruh mengenai pergaulan ketika membonceng perlu dikemukakan yang menjelaskan pelbagai keliruan masyarakat. Dapatan ini juga akan menjernihkan kekeliruan golongan modenis yang menganggap Islam tidak relevan dengan pemodenan, atau golongan yang mengubah suai hukum Syariah berdasarkan pemodenan yang bebas.

2. Metodologi Kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan berkaitan pergaulan lelaki dan perempuan ajnabiyah ketika membonceng motosikal. Penulisan ini meneliti pendapat-pendapat fuqaha silam dan kontemporari bagi mendapat gambaran yang jelas berkaitan hukum syarak dan batasan pergaulan ketika pemboncengan antara lelaki dan perempuan ajnabiyah. Rumusan-rumusan yang diperolehi dijadikan landasan teori bagi mengemukakan garis panduan syarak berdasarkan situasi-situasi atau

aktiviti-aktiviti pergaulan ketika membonceng. Dapatan-dapatan utama melalui kaedah analisis konseptual merumuskan bahawa pengharaman penggunaan gojek bagi wanita ajnabiyah adalah berdasarkan kaedah fiqh *sadd al-zara'i* kerana kebimbangan fitnah. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan langkah-langkah praktikal bagi mengelakkan kebimbangan fitnah, sekaligus mengangkat hukum haram kepada harus menurut keperluan (*hajiyat*) tertentu dan dikawal selia oleh pihak-pihak yang berautoriti. Langkah-langkah berkenaan merupakan garis panduan bagi pihak-pihak berkenaan untuk bersedia menawarkan perkhidmatan teksi motosikal yang menepati ciri-ciri Islam.

3. Asas Perbincangan

3.1 Maksud Teksi Motosikal

Perkataan teksi merujuk kepada kereta yang membawa penumpang dengan mengambil sewa yang juga disebut sebagai kereta sewa. Kereta sewa atau teksi beroperasi di bandar dan luar kawasan bandar. Terdapat dua jenis teksi, iaitu teksi berlesen dan teksi sapu yang tidak berlesen. Dalam konteks dailek, teksi juga dirujuk kepada beca roda tiga yang digunakan bagi jarak dekat (Kamus Dewan, 2007). Maksud-maksud yang dikemukakan Kamus Dewan ini tidak menyentuh mengenai kenderaan motosikal yang dijadikan sebagai teksi. Ini bermungkinan, penggunaan motosikal sebagai teksi tidak popular bagi budaya Malaysia dan tidak diluluskan oleh pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, berkembangannya semasa penggunaan motosikal sangat praktikal dan mempunyai masa depan yang cerah.

Maksud teksi motosikal bagi artikel ini adalah kenderaan motosikal yang dijadikan sebagai pengangkutan awam dengan mengambil sewaan atau upah.

3.2 Membonceng Wanita Ajnabiyah

Perkataan bonceng merujuk kepada perbuatan turut serta makan tanpa mengeluarkan belanja atau menumpang menaiki motosikal atau basikal. Manakala maksud boncengan adalah tempat menaruh barang, pembonceng; orang yang membonceng atau penumpang dan membonceng; menumpang naik motosikal (Kamus Dewan, 2007). Maksud membonceng dalam konteks penggunaan semasa adalah perbuatan seseorang menaiki kenderaan di bahagian belakang yang mempunyai tayar dua seperti motosikal atau basikal atau binatang seperti unta dan kuda. Membonceng dalam bahasa Arab dipetik daripada kata terbitan *Irdaf* (الإرداف): أَرْدَفَ الرَّجُلُ: أَرْكَبَ خَلْفَهُ) bermaksud bahawa seseorang telah memboncengkan seseorang di belakang kenderaannya. Orang Arab tidak menggunakan perkataan *al-irdaf* selain daripada

membonceng di bahagian belakang di atas binatang yang dijadikan sebagai kenderaan (Ibn Manzur, 1990; Ibrahim, 1972; al-Marbawi, 1990).

Wanita ajnabiyah bermaksud seorang wanita yang sah dikahwini oleh lelaki berkenaan. Berdasarkan hukum tersebut, terdapat enam lagi hukum syarak yang berkaitan dengannya, iaitu haram mendedahkan aurat di hadapannya, haram memandang kepada bahagian auratnya, haram menyentuh kulitnya, batal wuduk bila bersentuhan walaupun tanpa syahwat di sisi mazhab Shafii, haram berkhalwat dengannya dan haram musafir melebihi dua marhalah dengannya (al-Nawawi, 1997; Shata al-Dimyati, 1994; ‘Abd al-Fattah; 1993; Qal’aji, 1988; *al-Mawsu’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 1984-2006).

Dalam konteks perbincangan artikel ini, istilah teksis motosikal merujuk kepada tiga elemen di bawah;

- i) Kenderaan motosikal yang mempunyai dua tayar.
- ii) Menawarkan perkhidmatan pengangkutan dengan mengambil sewaan yang tertentu.
- iii) Pemboncengan. Perbuatan yang merujuk kepada seorang lelaki dengan seorang wanita ajnabiyah secara berdua-duaan di atas kenderaan motosikal sama ada lelaki sebagai pemandu dan perempuan ajnabiyah sebagai pembonceng, atau sebaliknya.

Skop perbincangan ini tidak menyentuh kenderaan motosikal yang telah diubah suai menjadi roda tiga seperti reka bentuk beca yang dikenali sebagai “tuk-tuk” yang terkenal di Asia Selatan dan beberapa negara Asia Tenggara seperti Thailand, India, Sri Langka, Pakistan dan Mesir (Wikipedia, 2023). Situasi membonceng berbeza dengan menumpang di bahagian belakang di atas kenderaan beroda lebih daripada dua seperti beca yang boleh dijarakkan kedudukannya dan lebih stabil pergerakannya yang menyebabkan kelaziman bersentuhan tidak berlaku, atau jika berlaku boleh dielakkan dengan kadar segera.

Industri pemotoran telah memperkenalkan pelbagai jenis gaya (*style*) motosikal untuk memenangi selera pelanggan seperti jenis kapcai (*moped*), *skuter*, *sportbike*, *naked bike*, *dual sport*, *cruiser*, *retro*, *offroad* dan *touring bike*. Daripada sembilan jenis motosikal ini, hanya jenis kapcai dan skuter sahaja yang paling popular dijadikan sebagai *Gojek* kerana saiznya sederhana, ketinggian daripada graviti yang ideal lebih kurang 790 mm, kuasa enjin antara 100cc-185cc, pelanannya sesuai dan selesa bagi penumpang dan harganya murah serta menjimatkan minyak (Moto Malaysia, 2023; Pandulaju, 2023).

3.3 Syarat-Syarat dalam Pergaulan

Pemboncengan antara lelaki dan wanita ajnabiyah telah menjadi trend dan keperluan semasa di sebilangan kota raya yang sibuk disebabkan penggunaan motosikal merupakan alat pengangkutan yang murah, cepat dan ringkas. Aktiviti ini bagaimanapun termasuk dalam isu *al-ikhtilat* atau pergaulan antara lelaki dan perempuan bukan mahram yang tertakluk dengan hukum syarak (Muqaddam, 1995; Mohd Azhar, 2021). Sehubungan itu, al-Qaradawi (1998) contohnya menjelaskan bahawa budaya pergaulan umat Islam pada zaman moden telah dipengaruhi oleh budaya Barat yang kebanyakannya tidak selaras dengan beberapa prinsip Islam. Justeru, al-Qaradawi membahagikan pergaulan moden kepada dua jenis iaitu:

- (i) Pergaulan Yang Disyariatkan (*al-Ikhtilat al-Mashru'*). Pergaulan jenis ini digunakan untuk aktiviti-aktiviti pergaulan yang diharuskan oleh syarak ketika mana lelaki dan wanita bergaul dalam pelbagai lapangan dan tujuan yang mematuhi prinsip syarak sama ada pergaulan tersebut bersifat agamawi mahupun duniawi.
- (ii) Pergaulan Terbuka Atau Bebas (*al-Ikhtilat al-Maftuh*). Pergaulan jenis ini digunakan untuk pergaulan bebas yang melanggar prinsip atau ketetapan syarak sebagaimana yang berlaku di kebanyakan tempat. Pemakaian istilah *al-ikhtilat al-Maftuh* itu sendiri bertujuan untuk mengisytiharkan bahawa serangan pemikiran daripada pihak Barat telah berjaya mempengaruhi corak dan fenomena pergaulan masyarakat Islam.

Merujuk kepada dua bentuk pergaulan moden di atas, boleh difahami bahawa hukum bagi pergaulan antara lelaki dan wanita ajnabiyah adalah merujuk kepada pematuhan ataupun pelanggaran terhadap prinsip dan ketetapan syarak. Justeru, *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* (1984-2006) telah mengemukakan kaedah pengukuran berikut:

يَخْتَلِفُ حُكْمُ اِحْتِلَاطِ الرَّجَالِ بِالنِّسَاءِ بِحَسَبِ مُوَافَقَتِهِ لِقَوَاعِدِ الشَّرِيعَةِ أَوْ عَدَمِ مُوَافَقَتِهِ

Maksud : Hukum *ikhtilat* (pergaulan) lelaki dengan wanita berbeza menurut keselarasannya dengan kaedah-kaedah syarak atau ketiadaan keselarasannya.

Sehubungan itu, Zaydan (1994), al-Misimiry (2010) dan 'Atiyyah (T.th) telah menetapkan lapan syarat bagi melayakkan pengiktirafan pergaulan menepati piawaian syarak iaitu menutup aurat, menundukkan pandangan, menjauhi pergaulan bebas, tidak berkhalwat, tidak bertabarruj,

menjaga lidah, terdapat keperluan dan aman daripada fitnah (Mohd Azhar, 2021).

3.4: Situasi Pergaulan Semasa Pemboncengan

Penelitian terhadap fenomena, situasi dan tabiat pergaulan ketika berlakunya aktiviti pemboncengan di atas motosikal mendapati berlakunya empat aspek berikut:

- i. Dari aspek kestabilan dan pergerakan, aktiviti pemboncengan di atas motosikal akan menyebabkan berlaku kedudukan yang tidak stabil pada fizikal pemandu dan pembonceng menurut keadaan jalan raya khususnya ketika mengambil selekoh, ketika pemandu menekan brek, menaiki bonggol dan ketika melintasi permukaan jalan yang tidak rata. Hal ini menyebabkan kedudukan fizikal pemandu dan pembonceng akan mengalami banyak pergerakan ataupun tidak stabil atas satu kedudukan.
- ii. Dari aspek tempat duduk, jarak antara pemandu dengan pembonceng adalah sangat dekat bahkan lebih rapat berbanding kelaziman tempat duduk bagi kuda dan unta. Kelaziman panjang pelana bagi motosikal jenis kapcai dan skuter sepanjang lebih kurang 25 inci contohnya hanya sesuai untuk dijadikan tempat duduk bagi dua orang sahaja iaitu pemandu dan pembonceng.
- iii. Dari aspek bilangan pembonceng, pelana atau tempat duduk motosikal hanya sesuai untuk seorang pembonceng sahaja, Ini menyebabkan situasi berdua-duaan antara pemandu dan pembonceng merupakan suatu peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan menerusi undang-undang pengangkutan awam di pelbagai negara.
- iv. Dari aspek keperluan berlakunya interaksi dan komunikasi antara pemandu dan pembonceng, ia merupakan satu perkara yang diperlukan dan sukar untuk dielakkan bagi membolehkan perkhidmatan gojek mencapai natijah yang diharapkan.

Sehubungan itu, aktiviti pemboncengan motosikal akan melazimi dua perkara berikut;

- i. Dari aspek persentuhan fizikal, ia pada kebiasaannya akan berlaku antara pemandu dan pembonceng sekalipun dalam keadaan berlapik dengan pakaian. Persentuhan yang biasa berlaku pula adalah melibatkan bahagian badan khususnya bahu, belakang, pinggang dan lengan, malahan juga beberapa tempat yang sensitif seperti bahagian dada dan punggung. Ini kerana seseorang pembonceng yang berusaha untuk menaiki motosikal

pada kebiasaannya perlu berpegang pada badan pemandu khasnya apabila pembonceng tersebut adalah seorang wanita yang memakai baju kurung yang ketat ataupun selipar bertumit tinggi dan sebagainya.

- ii. Dari aspek berlakunya percakapan antara pemandu dan pembonceng pula ia merupakan suatu situasi yang sukar untuk dielakkan kerana pemandu perlu mengetahui dan mengesahkan destinasi manakala pembonceng pula perlu memberitahu serta perlu membuat pengesahan terhadap destinasi yang dituju.

Jelasnya, tabiat dan aktiviti pemboncengan melazimkan berlakunya pergaulan secara langsung, dekat dan efektif antara pemandu dan pembonceng. Sehubungan itu, ketika berlakunya aktiviti pemboncengan antara lelaki dan wanita ajnabiyyah, antara perkara yang tidak dapat dielakkan ialah kedua-dua individu yang terlibat akan terdedah kepada suatu bentuk pergaulan yang boleh membawa kepada fitnah terhadap keimanan serta maruah diri dan boleh mendorong kepada ketidakpatuhan terhadap maqasid Syariah.

3.5: Hukum Syarak Berkaitan Pemboncengan Wanita Ajnabiyyah

Perbincangan tentang hukum pemboncengan wanita ajnabiyyah menerusi media sosial adalah agak popular dan mudah untuk dicapai. Hampir semua laman web menyatakan hukumnya sebagai haram secara jelas. Sesuai dengan peranan dan sasaran laman web, perbincangan mengenai isu ini tidak dilakukan secara mendalam khasnya berkaitan dalil, hujah dan prinsip pengharamannya dan juga tentang pendekatan yang relevan bagi menangani serta mengatasinya. (Serambinews.com, 2023; Oh!Media, 2020; Islampos.com, 2018).

Manakala keluasan dimensi perbincangan warganet juga didapati tidak disokong oleh laman web rasmi jabatan mufti yang tertentu di Malaysia. Setakat ini, hanya Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan sahaja yang menyiarkan jawapan bagi pertanyaan hukum memberi tumpang naik motor kepada wanita ajnabiyyah yang telah tua. (Al-Kafi #1442, 2019). Hal ini telah menyebabkan warganet dalam kalangan golongan remaja terus berada dalam dilema antara kekeliruan dan rasa ingin tahu disebabkan mereka sendiri hanya mampu merujuk kepada laman web yang tidak berautoriti. Sehubungan itu, kajian awal terhadap isu di atas mendapati bahawa tiada petunjuk yang sarih (jelas) daripada al-Quran yang melarang berlakunya pergaulan membonceng lelaki dengan wanita ajnabiyyah. Namun, prinsip-prinsip pergaulan ini telah dibina secara komprehensif melalui multi dimensi pergaulan dalam rumah dan pergaulan di luar rumah. Antaranya,

kisah Nabi Yusuf AS dengan isteri al-Aziz dalam surah Yusuf, ayat 23, kisah Nabi Musa AS dengan dua puteri Nabi Syu'aib dalam surah al-Qasas, ayat 23 hingga 25 dan penegasan keras jangan sekali-kali menghampiri zina dalam surah al-Isra', ayat 32. Berdasarkan dalil-dalil dan prinsip-prinsip syarak, Zaydan (1994) menegaskan bahawa hukum asal pergaulan (*al-ikhtilat*) zaman moden adalah haram.

Manakala al-'Ayni (T.th) dan Ibn Ruslan (2016) pula membuat subtajuk mengenai binatang yang dijadikan sebagai tunggangan utama manusia seperti unta, kuda dan keldai. Sehubungan itu, kitab-kitab hadith telah meriwayatkan beberapa hadis sahih yang menjelaskan bahawa Rasulullah SAW telah memboncengkan tiga orang yang terdiri daripada seorang lelaki dan isterinya serta seorang wanita ajnabiyah (Mohd Azhar, 2021).

Sementara Abu Syuqqah (1990) pula telah membuat penelitian terhadap hadis-hadis yang terkandung dalam kitab Sahih al-Bukhari (al-Asqalani, 1959) dan Sahih Muslim (al-Nawawi, 1972) berkaitan bentuk-bentuk pergaulan antara lelaki dan wanita pada zaman Rasulullah SAW yang terjadi dalam pelbagai tujuan dan bentuk. Beliau menyimpulkan:

وَمَوْجُودٌ فِي كُلِّ وَقَائِعِ اللَّقَاءِ وَالْمُشَارَكَةِ الَّتِي تَمَّتْ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
يَبْلُغُ مَا وَرَدَ مِنْهَا صَحِيحِي الْبُخَارِيِّ وَمُسْلِمٍ نَحْوَ ثَلَاثِمِائَةٍ وَاقِعِيَّةٍ

Terjemahan: “Dan wujud pada keseluruhan majlis pertemuan dan penyertaan yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW yang sebahagiannya diriwayatkan oleh dua kitab sahih: al-Bukhari dan Muslim yang berjumlah lebih kurang tiga ratus peristiwa.

Sehubungan itu, terdapat dua hadith yang menjadi rujukan berkaitan persoalan memboncengkan wanita ajnabiyah secara spesifik. Bagaimanapun, dua hadith tersebut dari sudut pendalilannya adalah bersifat *zaniyyah* kerana terdapat beberapa kemungkinan (*ihthimal*) berkaitan tindakan Rasulullah SAW memboncengkan perempuan ajnabiyah di atas unta baginda. Kisah pertama menjelaskan bahawa Rasulullah SAW telah menawarkan khidmat pemboncengan di belakang unta Baginda kepada Asma' Binti Abi Bakr RA, namun tawaran tersebut telah ditolak oleh Asma' RA atas sebab yang tertentu (Sahih al-Bukhari, 2002, No. 5224). Sementara kisah kedua pula menyatakan bahawa Rasulullah SAW telah memboncengkan seorang perempuan dalam kalangan Bani Ghifar (Sunan Abi Dawud, 2009, No. hadith 313. Sanad hadith daif).

Merujuk kepada dua riwayat di atas, para ulama telah melakukan beberapa takwilan terhadap tindakan Rasulullah SAW tersebut bagi

menyelaraskan dengan hukum asal yang mengharamkan pergaulan antara lelaki dan wanita bukan mahram. Al-Munawi (1994) dan al-Bujayrimi (1995) berpendapat bahawa tindakan Rasulullah SAW memboncengkan wanita ajnabiyyah adalah termasuk dalam urusan *khususiyat* (perkara yang dibenarkan secara khusus kepada) Rasulullah SAW. Justeru, tindakan tersebut tidak boleh dijadikan sumber hukum kepada umat. Sehubungan itu, kajian yang memperincikan tindakan Rasulullah SAW memboncengkan wanita ajnabiyyah sebagaimana yang terkandung dalam dua hadis tersebut perlu didiskusikan secara mendalam dalam artikel yang berasingan.

Seterusnya, kajian ini mendapati bahawa para sarjana Islam komtemporari telah berbeza pendapat dalam penentuan hukum asal bagi pergaulan yang tiada sebarang dalil yang sahih. Menurut pandangan Zaydan (1994), hukum asal bagi pergaulan antara lelaki dan wanita ajnabiyyah adalah haram, kecuali apabila terdapat dalil yang menunjukkan sebaliknya. Manakala majoriti sarjana Islam komtemporari pula berpendapat bahawa hukum asal bagi pergaulan antara lelaki dan wanita ajnabiyyah adalah harus berdasarkan kaedah fiqh: “Hukum asal bagi sesuatu (urusan muamalat) adalah harus” (Abu Shuqqah, 1990; al-Qaradawi, 1994; al-Misimiry, 2010).

4.0: DAPATAN PERBINCANGAN

4.1: Sebab Pengharaman Membonceng Wanita Ajnabiyyah

Penelitian terhadap empat kelaziman yang berlaku dalam situasi membonceng antara lelaki dan wanita ajnabiyyah sebagaimana yang telah dijelaskan di atas menunjukkan bahawa aktiviti pergaulan ketika membonceng adalah tidak memenuhi syarat-syarat pergaulan menurut piawai syarak, sekali gus tidak layak diberikan pengiktirafan untuk melakukannya kecuali ketika darurat atau keperluan yang mendesak.

Ini kerana di sepanjang aktiviti membonceng tersebut, terdapat tiga pelanggaran hukum syarak yang sukar untuk dielakkan, iaitu;

4.1.1: Berlaku Pergaulan Bebas Antara Pemandu Dengan Membonceng

Pergaulan bebas diharamkan tanpa khilaf. Dalam konteks membonceng, percampuran lelaki dan wanita ajnabiyyah termasuk dalam **pergaulan bebas**. Ini kerana kedudukan antara pemandu dan membonceng sangat dekat dan tiada penghalang antara mereka berdua daripada fitnah. Kaedah menentukan jarak antara lelaki dengan wanita ajnabiyyah telah dibina dalam

sistem saf solat berjemaah dengan kedudukan saf solat perempuan di bahagian belakang atau diselangi oleh kanak-kanak. Rasulullah SAW juga telah melarang kaum lelaki dan wanita berjalan beriringan setelah keluar daripada masjid Nabawi dengan menyarankan kaum perempuan berjalan di sebelah bahu jalan atau di belakang lelaki (Zaydan, 1994; al-Qaradawi, 1998; Mohd Azhar, 2021).

Imam al-Bukhari meriwayatkan bahawa ‘Ata’ berkata Ibn Hisham melarang kaum wanita tawaf bersama lelaki. ‘Ata’ dengan tegas membetulkan salah faham Ibn Hisham dengan mengatakan; bagaimana tuan melarangnya sedangkan Rasulullah SAW tawaf bersama kaum wanita. Kemudian, ‘Ata’ menjelaskan sifat pergaulan mereka ketika tawaf;

لَمْ يَكُنْ يُخَالِطَنَّ كَانَتْ عَائِشَةُ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، تَطُوفُ حَجْرَةً مِنَ الرِّجَالِ لَا تُخَالِطُهُمْ

Terjemahan: Tidaklah mereka (perempuan) bergaul bebas. Adalah A’isyah RA tawaf menjarak daripada lelaki. A’isyah RA tidak bergaul bebas dengan mereka. [Sahih al-Bukhari, No. 1618]

Sehubungan itu, pergaulan bebas ketika pemboncengan telah berlaku di atas motosikal dalam dua keadaan sebagaimana di bawah;

i.i: Jarak antara pemandu dengan pembonceng yang dekat dan rapat.

Penulis telah mengukur jarak pelana motosikal kapcai jenis Honda *Wave*, 110cc adalah 25 inci. Berdasarkan jarak tersebut, kesesuaian ruang duduk bagi pembonceng di bahagian belakang adalah 11 inci dan bagi pemandu 14 inci. Perbezaan jarak paling maksimum antara pembonceng adalah 6 inci hingga 10 inci sahaja. Oleh hal yang demikian, adalah amat sukar untuk meniadakan berlaku sentuhan badan antara pembonceng antara lelaki dengan wanita ajnabiyah.

Hakikatnya, fuqaha’ tidak menetapkan jarak khusus antara lelaki dengan wanita ajnabiyah ketika berintreaksi. Shata al-Dimyati dalam *Hashiyah I’annah al-Talibin* (1997) menjelaskan jarak tersebut dirujuk kepada uruf ketika majlis percakapan. Manakala Islamweb.net (2012) berpendapat jarak yang sesuai ketika berintreksi antara lelaki dengan wanita ajnabiyah adalah pada jarak lelaki menghulurkan tangan kepada seorang wanita, dia tidak berjaya menyentuh jasad wanita tersebut. Sehubungan itu, penulis berpendapat jarak minimum adalah ialah lebih kurang 1 meter atau 3 kaki kedudukan antara kedua-duanya.

Shata al-Dimyati (1997) memberikan pandangan bahawa makruh bersentuhan fizikal ketika pergaulan berlaku disebabkan ianya tidak sopan dan membawa kepada kefasikan;

فَيُكْرَهُ مَا لَمْ يَكُنْ فِيهِ اخْتِلَاطُ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ بِأَنْ تَتَّصَمَ أَجْسَامُهُمْ فَإِنَّهُ حَرَامٌ وَفَسَقٌ

Terjemahan: Maka dimakruhkan (beramai-ramai lelaki dan perempuan) selama tiada dalam percampuran lelaki dan perempuan dengan bahawa bercampur yang rapat tubuh badan mereka. Sesungguhnya yang demikian itu haram dan fasik.

Pandangan di atas menunjukkan pertimbangan uruf pada adab kesopanan juga perlu diberikan perhatian bagi mengelakkan fitnah.

i.ii: Keadaan berdua-duaan.

Aktiviti pemboncengan dengan motosikal hanya dilakukan oleh dua individu sahaja. Berdua-duaan antara lelaki dengan wanita ajnabiyah adalah haram, khususnya di tempat yang terlindung daripada pandangan awam dan menimbulkan syak. ‘Atiyah Saqar (T.th) menjelaskan bahawa hukum haram berdua-duaan tidak semestinya di tempat tertutup, tetapi berlaku di tempat terbuka apabila menimbulkan syak dan fitnah seperti dalam bas, gerabak keretapi dan kereta. Isu menjadi tumpuan ketika berdua-duaan adalah timbulnya syak yang berat membawa kepada fitnah. Disebabkan hal ini, masyarakat bermoral, termasuk Malaysia tidak dapat menerima lelaki membonceng wanita ajnabiyah.

i.iii: Sentuhan

Shata al-Dimyati (1997) dan ‘Atiyah Saqar (T.th) secara jelas berpendapat bersentuhan tanpa keperluan pada tempat yang tidak menjadi adat bersentuhan adalah makruh, meskipun berlapik. Namun, jika sentuhan demikian menimbulkan fitnah akan menjadi haram. Sentuhan fizikal semasa pemboncengan akan berlaku pada tiga situasi; ketika mula menaiki motosikal, ketika dalam perjalanan dan ketika hendak turun daripada motosikal. Dalam keadaan pembonceng tempat duduk sangat hampir dengan pemandu dan ketiadaan suatu penghalang bagi memisahkan antara pemandu dengan pembonceng, maka sentuhan fizikal sukar dielakkan.

4.1.2. Tidak aman daripada fitnah dan tarikan syahwat.

Menolak fitnah dan menghindarkan diri daripada jerat-jerat syahwat dalam pergaulan lelaki dan wanita ajnabiyah adalah wajib (Abu Muhammad, 1995). Dengan maksud, suasana dan aktiviti di sepanjang pemboncengan berlangsung hendaklah aman, selamat, tenang dan dipercayai terhindar daripada kebimbangan-kebimbangan fitnah dan gelora syahwat. Fitnah

bermaksud ujian (*al-iblitā' wa al-imtihan*), iaitu sesuatu benar-benar akan yang menguji keimanan seseorang antara taat atau derhaka dan dosa atau pahala. Manakala al-Qurtubi (1999) dan al-Zuhayli (1997) menakrifkan syahwat;

الشَّهَوَاتُ عِبَارَةٌ عَمَّا يُوَافِقُ الْإِنْسَانَ وَيَشْتَهِيهِ وَيَلْتَمِئُهُ وَلَا يَتَّقِيهِ

Terjemahan: Syahwat adalah ungkapan bagi sesuatu yang manusia sukai, menginginkannya, yang serasi baginya, dan tidak dapat dihindari olehnya.

Secara prinsipnya, haram secara ijmak, jika wujud tarikan syahwat atau bermain-main dengan kelazatan syahwat (*talazzut*) dan tidak aman dari fitnah dalam apa-apa juga situasi pergaulan lelaki dengan perempuan ajnabiyah (al-Sharbini (2020).

Terdapat beberapa kaedah fiqh yang boleh dirujuk bagi mengukur tahap fitnah yang berkaitan perihal-perihal pergaulan antara lelaki dan perempuan ajnabiyah. Antaranya, Ibn al-Wakil (T.th) telah menyenaraikan bahawa pandangan mata seseorang lelaki kepada wanita ajnabiyah adalah haram berdasarkan pengukuran;

حُرْمَةُ النَّظَرِ إِلَى النِّسَاءِ الْأَجْنَبِيَّاتِ لِمَطْنَةِ الشَّهْوَةِ، وَجَوَازُهُ لِلرِّجَالِ لِعَدَمِهَا، وَاتَّفَقُوا عَلَى أَنَّ حُرْمَةَ الشَّهْوَةِ حَيْثُ وَجَدَتْ حُرْمٌ مِنْ جَمِيعِ الْأَنْوَاعِ

Terjemahan: Haram memandang kepada perempuan ajnabiyah kerana tempat kemungkinan merangsang syahwat. Namun, harus memandangnya kepada lelaki kerana ketiadaannya (sangkaan syahwat). Ulama sepakat bahawa sesungguhnya syahwat bila mana didapati, maka haram semua jenis-jenisnya.

Penyataan di atas menunjukkan bahawa hukum syarak berkaitan hubungan lelaki dengan wanita ajnabiyah adalah dibina di atas sangkaan syahwat (*mazinnah al-syahwat*). Hakikatnya, sangkaan syahwat tersebut belum lagi wujud dan rangsangan syahwat juga belum bergelora, tetapi tabiat hawa nafsu yang sangat sensitif kepada syahwat perkelaminan menyebabkan ulama mengambil hukum berhati-hati (*ihtiyat*) dan pencegahan.

Ulama juga mengemukakan satu standard pengukuran fitnah bahawa wujud prasangka secara mutlak, walaupun keadaan itu jarang berlaku. Shata al-Dimyati (1997) dan al-Bujayrimi (1995) menukulkan pendapat Ibn al-Solah;

وَلَيْسَ الْمَعْنَى بِخَوْفِ الْفِتْنَةِ غَلَبَةَ الظَّنِّ بِوُقُوعِهَا، بَلْ يَكْفِي أَنْ لَا يَكُونَ ذَلِكَ نَادِرًا

Terjemahan: Bukanlah yang dimaksud dengan 'takut terjadi fitnah' adalah sangkaan yang berat bahawa fitnah akan terjadi. Bahkan, memadai yang mungkin jarang terjadi sekalipun.

Pendirian ulama fiqh sangat teliti, hati-hati dan tegas ketika menangani fitnah daripada lelaki dan wanita. Kesannya sangat besar kepada keseimbangan maqasid Syariah, terutama bagi keturunan dan maruah. Mereka menutup rapat semua ruang, lubang, jalan dan liang yang boleh mendatangkan fitnah syahwat. Justeru, aktiviti membonceng wanita ajnabiyah sukar untuk takwil ketiadaan fitnah yang membahayakan maqasid Syariah.

4.2: Fatwa Membonceng Perempuan Ajnabiyah Di Beberapa Buah Negara Islam

Cadangan pihak kerajaan memperkenalkan perkhidmatan *Gojek* pada tahun 2019 mencetuskan polimek, pro dan kontra. Akhbar-akhbar tabloid berusaha mendapatkan pandangan awal mufti-mufti di Malaysia. Cadangan tersebut perlu diberikan perhatian dengan mengemukakan alternatif-alternatif Islamik bagi mendepani cabaran ini. Pihak kerajaan, swasta dan masyarakat perlu bersedia menghadapi perubahan gaya hidup moden yang semakin canggih. SS Dato' Mohd Tamyas Bin Abdul Wahid, Mufti Negeri Selangor memberikan respon bahawa teksi motosikal yang cuba diperkenalkan itu sebagai tidak Islamik kerana membonceng wanita ajnabiyah termasuk pergaulan bebas yang bercanggah dengan syarat-syarat pergaulan, tidak sesuai dan tidak sopan dengan uruf di Malaysia dan boleh menimbulkan fitnah kerana berdua-duaan dengan bukan mahram (Malaysiakini, 2010; Astro Awani, 2019)

4.2.1. *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*.

Pandangan Fatwa *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* (1984-2009) sangat terkenal dalam isu membonceng yang menukilkan;

وَأَمَّا إِزْدَافُ الْمَرْأَةِ لِلرَّجُلِ الْأَجْنَبِيِّ ، وَالرَّجُلِ لِلْمَرْأَةِ الْأَجْنَبِيَّةِ فَهُوَ مَمْنُوعٌ ، سَدًّا لِلذَّرَائِعِ ، وَاتِّقَاءً
لِلشَّهْوَةِ الْمُحَرَّمَاتِ

Terjemahan: Adapun perempuan membonceng lelaki ajnabi dan lelaki membonceng perempuan ajnabiyah adalah dilarang berdasarkan *sadd al-zara'i* dan memelihara daripada rangsangan syahwat yang diharamkan.

Asas kepada hukum haram membonceng wanita ajnabiyah adalah berdasarkan kaedah *sadd al-zar'i* dan menghindarkan tarikan syahwat yang membawa kepada perzinaan. Walaupun fatwa ini tidak memperincikan sebab-sebab pengharaman, namun telah dimaklumi aktiviti-aktiviti lazim bagi membonceng menyalahi syarat-syarat syarak dan juga kurang sopan.

Kenyataan *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* di atas telah dijadikan rujukan utama dan mashyur dalam isu membonceng perempuan ajnabiyyah.

4.2.2. Fatwa Membonceng di Negeri Kelantan

Jabatan Mufti Negeri Kelantan antara yang terawal di Malaysia dalam rekod bertulis telah ditanya berkaitan isu lelaki membonceng wanita ajnabiyyah dengan basikal. Soalan yang ke 216, dalam Himpunan Fatwa Negeri Kelantan (2014) mencatatkan;

“Apakah hukum saya (lelaki) berulang-alik ke sekolah bersama-sama dengan pelajar perempuan yang sebaya dengan saya (18 tahun) untuk tujuan keselamatan. Kadang-kadang kami menunggang basikal berbonceng kerana saya atau pelajar perempuan tersebut tidak mempunyai basikal. Perbuatan itu dilakukan dengan jujur dan ikhlas”.

Jawapan: Perbuatan tersebut haram bagi seorang lelaki dan perempuan ajnabiyyah seperti yang tersebut di atas berjalan-jalan berdua-duaan, apa lagi menunggang basikal bersama (membonceng) walaupun si lelaki tersebut melakukannya dengan niat yang jujur kerana memelihara keselamatan perempuan itu”

Sebab kepada pengharaman adalah situasi di atas berdua-duaan antara lelaki dengan wanita ajnabiyyah dan membonceng termasuk aktiviti pergaulan bebas. Kedua-dua situasi tersebut boleh merangsang syahwat dan kemungkinan berat kepada fitnah. Bahkan, niat yang murni tidak menghalalkan cara bagi situasi sedemikian. Apatah lagi, jarak yang agak jauh, suasana yang agak sunyi dan berlaku secara berulang-ulang serta peringkat remaja.

4.2.3. Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan

Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan berkaitan ditanyakan soalan apakah hukum memberi tumpang naik motor kepada seorang mak cik yang berumur 60 tahun dan telah putus haid? Adakah dikira berdosa sekiranya ia telah berlaku? Jabatan Mufti tidak menjelaskan sebab-sebab pengharaman secara ditil dengan terus bersandarkan kepada fatwa yang diputuskan oleh *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* seperti yang dinyatakan sebelumnya. Mufti Wilayah Persekutuan menyimpulkan;

“Sebagai kesimpulan, kami menyatakan bahawa berdasarkan beberapa nas dan hujahan yang kami kemukakan di atas, secara asasnya hukum berduaan di atas motosikal bersama individu yang bukan mahram adalah dilarang. Meskipun begitu, sekiranya seseorang lelaki yang dipercayai dari sudut agama dan keperibadiannya, ingin menumpangkan seorang wanita tua atas dasar belas ehsan dan ingin membantu, kami berpendapat bahawa hal ini diharuskan. Ini ditambah lagi apabila ternafinya syahwat dan terhindarnya fitnah yang mengharamkan dari perbuatan tersebut (al-Kafi #1442, 2019).”

Manakala membonceng wanita tua kerana ada keperluan seperti kesian belas dan meringankan bebannya, Mufti Wilayah Persekutuan menyokong pandangan Imam al-Nawawi yang mengharuskannya berdasarkan zahir tindakan Rasulullah SAW menawarkan Asma' RA (al-Nawawi, 1972).

Manakala pendapat kedua menegaskan bahawa pelawaan Rasulullah SAW kepada Asma' RA tersebut tidak boleh dijadikan dalil syarie disebabkan wujud keraguan (*ihthimal*). Jumhur menyatakan ianya khususiyat Rasulullah SAW dan baginda aman daripada fitnah (al-Bujayrimi, 1995).

4.2.4. Fatwa Indonesia

Di Indonesia terdapat dua institusi Islam yang berpengaruh; Majelis Ulama Indonesia (MUI) dan Nahdatul Ulama (NU). Secara ringkasnya, kedua-dua institusi Islam tersebut mengharamkan pergaulan lelaki membonceng wanita ajnabiyah seperti berikut;

- i: H. B. Syafuri (2016) menjelaskan Majelis Ulama Indonesia (MUI, 2012) mengharamkan *Gojek* pada tahun 2010. Alasan yang mengharamkannya adalah surah al-Nur 30-31, surah al-Isra' ayat 32, hadith riwayat Muslim, nombor 1280 dan kaedah *sadd al-zara'i*.
- ii: Pandangan Nahdatul Ulama (NU) secara terang mengharamkan membonceng perempuan ajnabiyah kecuali menjaga etika pergaulan seperti memelihara aurat, tidak berlaku khalwat berduaan di tempat sunyi, tidak bersentuhan fizikal dan sentuhan kulit (NUOnline, 2023).

Di samping itu, carian dalam *youtube* terhadap ulama-ulama terkenal di Indonesia seperti Ustaz Adi Hadiyah (2015), Ustaz Abdul Samad (2018) dan Buya Yahya (2018) mengharamkan *Gojek* kerana *sadd al-zara'i*.

Secara umum, sepakat ulama dan juga instituti-institusi fatwa mengharamkan seorang lelaki membonceng seorang wanita ajnabiyah disebabkan pergaulan bebas dan mendatangkan fitnah pada tahap yang membimbangkan. Pengecualian hukum haram dilonggarkan bagi keperluan (*hajiyat*) dengan sandaran pelawaan Rasulullah SAW kepada Asma' RA menaiki di belakang unta baginda.

5.0: CADANGAN GARIS PANDUAN

Perbincangan pendapat ulama dan fatwa semasa menunjukkan bahawa pengharaman lelaki membonceng wanita ajnabiyah adalah termasuk dalam bahagian haram disebabkan perkara yang bersangkutan dengannya (*haram li ghairih*), bukan haram pada ainnya (*haram li zatih*). *Haram li ghairih* bermaksud sesuatu yang lain menjadi penyebab kepada pengharamannya seperti haram memandang wanita ajnabiyah kerana memelihara fitnah. Jumhur menegaskan bahawa *haram li zatih* tidak diharuskan kecuali ketika darurat, manakala *haram li ghairih* diharuskan pada tahap ketika keperluan (*hajiyat*) (al-Kurdi, 2004). Ulama mengharamkannya berdasarkan kaedah fiqh *sadd al-zara'i*, bertujuan menyekat pintu-pintu pergaulan bebas yang boleh membawa perzinaan, disebabkan membangkit syahwat dan fitnah. Hal yang demikian, hukum haram tersebut boleh diangkat dengan menangani secara menyeluruh sebab-sebab yang menjadikan hukumnya haram. Pendekatan ini selaras dengan kaedah di bawah;

الحكم يدور مع علته وجوداً وعدمًا

Terjemahan: Sesuatu hukum berlegar bersama-sama illahnya ketika ia ada dan tiada.

Kewujudan sesuatu hukum syarak ditentukan pada kewujudan illahnya. Ketika mana tiada illahnya, maka hukum ke atasnya tidak wujud dan begitulah sebaliknya. Oleh demikian, jika isu pergaulan bebas dan ketidakamanan daripada fitnah dapat diatasi secara menyeluruh dan meyakinkan, maka hukumnya akan menjadi harus (al-Burnu, 2003; Irsyad Usul Fiqh Siri 4, 2016).

Adalah dikemukakan beberapa cadangan bagi menilai hukum teksi motosikal yang menepati garis panduan syarak sebagaimana di bawah;

5.1. Kawalan Langsung Pihak Berautoriti

Pihak kerajaan hendaklah mengawal selia secara langsung pelaksanaan teksi motosikal mencakupi pelesenan, perjalanan aktiviti teksi motosikal selaras dengan garis panduan atau peraturan-peraturan yang ditetapkan, dipatuhi secara menyeluruh. Pihak kerajaan memiliki kuasa eksekutif,

sama ada meluluskan permohonan lesen dan membatalkan lesen serta mengenakan hukuman tertentu. Aspek penyeliaan bukan sahaja tertumpu kepada aspek-aspek teknikal dan keselamatan, tetapi menekankan pematuhan hukum syarak secara ketat menurut maqasid syariah. Peraturan yang digubal dan dikuatkuasakan telah diluluskan oleh panel syariah. Kuasa penyeliaan teksi motosikal bersumberkan kaedah fiqh;

تَصَرَّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوُطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

Terjemahan: Polisi dan tindakan pemerintah mestilah tertakluk kepada masalah terhadap rakyat (al-Subki, 2007; Ibn al-Wakil (T.th).

Pemerintah adalah sebagai wakil bagi rakyat. Mereka wajib mengurus urusan hal ehwal dan menjaga kepentingan rakyat menurut maslahat dan menolak mudharat. Mempertingkatkan tata kelola yang terbaik, menegakkan keadilan, menghilangkan kezaliman, memelihara kemuliaan akhlak dan membersihkan masyarakat daripada kerosakan (al-Burnu, 2003).

5.2. Motosikal Khusus

Terdapat sembilan jenis motosikal, iaitu kapcai (*moped*), *skuter*, *sportbike*, *naked bike*, *dual sport*, *cruiser*, *retro*, *offroad* dan *touring bike*. Jenis kapcai dan *skuter* yang paling popular dijadikan *Gojek* (Moto Malaysia, 2023). Namun, kedua-dua jenis motosikal, kapcai dan *skuter* yang sedia ada di pasaran semasa masih tidak sesuai untuk dijadikan sebagai teksi motosikal. Jarak tempat duduk antara pemandu dengan pembonceng sangat dekat, kurang daripada ukuran satu kaki, tayar dua yang tidak stabil menyebabkan kemungkinan berat timbulnya fitnah. Permasalahan ini boleh di atasi dengan pihak kerajaan mewajibkan motosikal khusus yang telah menepati piawai syarak. Ia memudahkan penyeliaan dan pemantauan, sekaligus mengelakkan daripada motosikal tiada berlesen.

Dengan komitmen yang tinggi pihak kerajaan, satu penyelidikan perlu dibangunkan bagi menyediakan reka bentuk motosikal yang patuh syariah, keselamatan yang tinggi, keselesaan yang munasabah dan harga berpatutan.

5.3. Pemboncengan Sama Jantina

Isu hukum utama pengharaman ke atas pemboncengan adalah hubungan antara lelaki dengan wanita ajnabiyah. Isu ini seolah-olah menjadi pengekang kepada pertumbuhan ekonomi dan pelaksanaannya pula tampak

sukar yang membantut jalan penyelesaian. Umumnya terdapat dua isu yang perlu ditangani pihak kerajaan, iaitu;

i) Pemandu Motosikal Perempuan

Sebagai penyelesaian awal, khususnya dengan komitmen pihak kerajaan perlu membangunkan satu sistem pengangkutan motosikal yang komprehensif. Satu pusat latihan khusus yang menyediakan lesen khas bagi pemandu-pemandu wanita dan lelaki menurut keperluan dari masa ke semasa. Peranan 213 buah Institut latihan pemandu di seluruh Malaysia boleh diperluaskan bagi tujuan latihan dan pelesenan teksi motosikal.

Rajah 1: Senarai Institut Memandu Seluruh Malaysia

Bil	Negeri	Jumlah
1	Perlis	2
2	Kedah	19
3	Pulau Pinang	9
4	Perak	26
5	Selangor	21
6	Kuala Lumpur	6
7	Negeri Sembilan	10
8	Melaka	6
9	Johor	20
10	Perak	16
11	Kelantan	14
12	Terengganu	12
13	Sabah	24
14	Sarawak	28
	JUMLAH	213

Sumber: Penulis

Data di atas menunjukkan bahawa 213 buah institut memandu telah tersedia untuk dijadikan satu pusat di negeri-negeri yang diperlukan. Tanpa menafikan bahawa kemungkinan beberapa institut tidak sesuai, maka pihak kerajaan boleh mengadakan kursus latihan berpusat selepas calon-calon layak melepasi ujian-ujian tertentu. Apa yang penting, pihak kerajaan perlu memberikan galakan dan insentif kepada beliawanis untuk menceburkan diri dalam sektor teksi motosikal.

ii). Sistem Pesanan Yang Terkawal

Isu yang sukar ditangani adalah melaksanakan dan menguatkuasaan pemandu lelaki membonceng wanita ajnabiah. Antara cadangan adalah maklumat jantina pemandu dan pembonceng perlu dimasukkan dalam aplikasi pesanan data untuk mengawal pergaulan bebas. Kedua, sistem tidak akan mengesahkan pesanan jika sama jantina antara pemandu dengan pembonceng. Hukuman yang tegas dan berat ke atas pelanggaran syarat ini perlu dilaksanakan seperti lesennya ditarik serta merta tatkala disabitkan. Pihak pelanggan perlu membuat aduan dengan bukti yang jelas bahawa dia dibonceng oleh pemandu lelaki ajnabi.

5.4. Penetapan Zon dan Laluan

Sistem penetapan zon dan laluan yang dibenarkan bagi laluan kenderaan berdaftar adalah suatu yang diamalkan dalam dunia. Justeru, bagi tujuan menjamin keamanan fitnah pergaulan bebas dan meningkatkan keselamatan, pihak kerajaan perlu membataskan zon atau wilayah yang dibenarkan penggunaan teksi motosikal, khususnya bagi pemandu wanita.

5.5. Waktu Yang Tertentu

Tahap fitnah dan keselamatan boleh dikurangkan dengan juga mengambil kira waktu-waktu yang diperlukan bagi perkhidmatan gojek. Tujuan utama gojek dibenarkan adalah untuk mengatasi kesesakan trafik di samping murah dan cepat. Kesesakan lalu lintas hanya berlaku pada waktu-waktu masyarakat keluar dan pulang dari kerja di antara jam 5.00 pagi hingga 9.00 malam. Jika terdapat keperluan tertentu di luar waktu yang ditetapkan seperti hari raya, pihak kerajaan boleh membuat pengumuman waktu perkhidmatan gojek dilanjutkan menurut keperluan tertentu.

Lima penambahbaikan di atas bertujuan pelaksanaan teksi motosikal boleh memberikan harapan kepada penawaran pengangkutan awam yang cekap dan bersifat islamik di Malaysia. Sesungguhnya penglibatan golongan wanita dalam pelbagai bidang kian berkembang, termasuk sebagai pemandu bas, penghantar makanan, jurutera, tentera, hakim dan atlet sukan telah menyokong kepada keterbukaan pemandu wanita bagi teksi motosikal.

6.0: KESIMPULAN

Motosikal satu jenis kenderaan yang praktikal, murah, ringkas dan cepat. Justeru, hukum syarak yang mengharamkan membonceng perempuan ajnabiyah tidak begitu dipedulikan, sama ada kerana kejahilan atau desakan kepada keperluan semasa (*hajiyyat*) kepada teksi motosikal. Di Indonesia,

Gojek telah popular sejak 2010 dan terus berkembang sebagai solusi mudah kepada masalah kepadatan penduduk, jalan yang sempit dan kesesakan lalu lintas. Namun demikian, pandangan agamawan-agamawan terkenal Indonesia tetap mengharamkan lelaki dan perempuan ajnabiyah menggunakan perkhidmatan *Gojek* berlesen.

Perbincangan semasa daripada fatwa-fatwa menunjukkan teks motosikal yang ada sekarang tidak menepati syarat-syarat syarak. Namun, hukum haram ini tidak mutlak disebabkan hukum haram tersebut dibina berdasarkan aktiviti-aktiviti pemboncengan yang tidak aman daripada fitnah. Sehubungan itu, jika pihak industri permotoran dapat mengemukakan satu reka bentuk motor khusus bagi teksi motosikal yang mampu mengelakkan bersentuhan dan memiliki ciri keselamatan yang sempurna serta dikawal oleh pihak kerajaan, maka tentu hukumnya akan berbeza. Sehubungan itu, pihak agamawan sewajar mencadangkan ciri-ciri gojek yang menepati piawaian syarak, bukan sekadar melihat dari sudut hukumnya semata-mata, sedang pihak industri pemotoran yang kurang arif mengenai hukum syarak telah mengeluarkan ribuan motosikal dengan kos ratusan juta ringgit.

Pihak kerajaan perlu melibatkan diri secara langsung dan memberikan komitmen jitu bagi menyediakan teksi motosikal melalui perancangan yang menyeluruh. Malaysia perlu bersedia dengan cabaran kesesakan lalu lintas, sistem jalan raya, kepadatan penduduk dan juga peningkatan pengangguran. Justeru, teksi motosikal adalah salah satu solusi yang relevan dan praktikal.

Rujukan

- ‘Abd al-Fattah Mahmud Idris (1993). *Ahkam al-Awrah fi al-Fiqh al-Islami Baht Muqaran*. Kaherah: Universiti al-Azhar.
- Abi Dawud (2009). *Sunan Abi Dawud*. T. tmpt. Dar al-Afkar al-Dawliyyah.
- Al-‘Ayni (T.th). Abu Muhammad Muhammad al-Hanafi. *‘Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Abu Muhammad (1995), Ashraf bin Abd al-Maqsud. *Fatawa al-Mar’ah al-Muslimah*, Maktabah al-Tabariyyah, Riyad.
- Abu Syuqqah (1990), ‘Abd al-Halim. *Tahrir al-Mar’ah fi ‘Asr al-Risalah*. Kuwayt: Dar al-Qalam.
- Adi Hadiyat: <https://www.youtube.com/watch?v=1JskpEaaOYA>. Carian: 5 Ogos 2015.
- Abdul Samad <https://www.youtube.com/watch?v=cXkG9k3OX2k> Carian: 28 Jun 2018.
- ‘Atiyyah Saqar (t.th). *Ahsan al-Kalam fi al-Fatawa wa al-Ahkam*. Kaherah: Dar al-Ghadd al-‘Arabi.
- Al-Asqalani, Ibn Hajar (1959). *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Astro Awani (2019). “Gojek tak Islamik, tak sopan - Mufti Selangor” <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gojek-tak-islamik-tak-sopan-mufti-selangor-215581>. Carian:1/10/2023.

- Al-Bujayrimi (1995), Sulayman. *Hashiyah al-Bujayrimi 'ala al-Minhaj*. Kaherah: Matba'ah al-Halabi.
- Al-Bukhari, Muhammad Bin Isma'il (2002). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Burnu, 2007, Muhammad Sidqi Bin Ahmad (2007). *Al-Wajiz fi Idhah Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Kuliyyah*. Beirut: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Kurdi, Ahmad al-Hajji (2004). *Buhuth fi 'Ilm Usul al-Fiqh*. T.tmp. Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- Al-Kafi #1442 (2019). Hukum Memberi Tumpang Naik Motor Kepada Perempuan Tua. Muhammad Fahmi Rusli. 22 Oktober 2019. Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/ar/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3826-al-kafi-1442-hukum-memberi-tumpang-naik-motor-kepada-wanita-ajabiyyah-yang-telah-tua>. Carian: 9/4/2024.
- Al-Maqaddam (1995), Muhammad Ahmad Ismail. *'Adillah al Hijab*. Mesir: Dar al-Iman.
- Al-Marbauwi, Muhammad Idris al-Marbauwi (1990). *Kamus Al-Marbauwi*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* (1984-2006). Wazarah al-Awqaf wa Shu'un al-Islamiyyah. Kuwait.
- Al-Munawi (1994). *Faidh al-Qadir Sharh al-Jami' al-Saqhir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Misimiry (2010) Riyad bin Muhammad dan Dr. Muhammad bin Abdillah al-Habdan. *Al-Ikhtilat bain al-Jinsain Ahkamuh wa Atharuh*. Arab Saudi: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Nawawi (1997). *Al-Majmu 'Ala Shar al-Muhazzab'*. Jeddah: Maktabah al-Irshad.
- Al-Nawawi (1972). *Sharh Sahih Muslim*. Cet. 2. Beirut: Dar al-Turath al-'Arabi.
- BHonline (a. 2019). Ramai netizen tidak setuju GoJek diperkenalkan di Malaysia. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/598899/ramai-netizen-tidak-setuju-gojek-diperkenalkan-di-malaysia> 22 Ogos 2019. Carian: 20/10/2023.
- BHonline (b. 2019). Waspadakan tindakan menjurus golongan aktiviti maksiat, mungkar. 15 Mac 2019. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/03/541156/waspada-tindakan-menjurus-golongan-aktiviti-maksiat-mungkar>. Carian: 17/10/2023.
- H. B. Syafuri (2016), "Epistemologi Hukum Fatwa MUI Kabupaten Lebak Tentang Berboncengan Dengan Selain Muhrim". *Jurnal Ahkam*. Vol. 16, No. 2, IAIN Sultan Maulana Hasanuddin Serang, Banten, Indonesia. h. 221. <http://journal.uinjkt.ac.id/index.php/ahkam/article/view/4451>, Akses: 17 September 2021.
- Ibn Manzur (1990). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibrahim Mustafa, et. al (1972). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Ibn Battal (2003). *Sharh Sahih al-Bukhari li Ibn Battal*. Tahqiq: Abu Tamim Yasir bin Ibrahim. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Ibn al-Wakil (T.th), Abu Abdullah Muhammad bin Makkiy. *Al-Ashbah wa al-Naza'ir fi Mazhab al-Syafi'i*. Tahqiq: Muhammad Hasan. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Ruslan (2016). *Sharh Sunan Abi Dawud li Ibn Ruslan*. Tahqiq: Add min al-Bahithin bi Isyraf Khalid al-Ribath. Mesir: Dar al-Falah.
- Islampos (2018). Tiga Syarat Dbolehkannya Boncengan dengan yang Bukan Mahram. <https://www.islampos.com/tiga-syarat-dbolehkannya-boncengan-dengan-yang-bukan-mahram-121758/>. Carian: 17/10/2023.
- Islamweb.net (2012). Ma Hukm al-Din fi al-Thadhaddus ma'a Zumala'i wa mask Aidihun. <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/3672>. 12/4/2021. Carian: 20/10/2023.
- Irsyad Usul Fiqh Siri 4: Penjelasan Kaedah Fekah "Hukum Berlegar Bersama-Sama Illahnya ketika ia ada dan tiada". Muhammad Fahmi Rosli. 12 April 2016. Jabatan

- Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-usul-fiqh/1531-irsyad-usul-fiqh-siri-4-penjelasan-kaedah-fekah-hukum-berlegar-bersama-sama-illahnya-ketika-ia-ada-dan-tiada>. Carian; 9/4/2024.
- Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (2024). Senarai Institut Memandu Seluruh Malaysia. https://www.jpj.gov.my/web/main-site/pemandu/-/knowledge_base/pemandu/senarai-institut-memandu-seluruh-malaysia-yang-melaksanakan-kursus-psv-e-ha. Carian: 9/4/2024.
- Malaysiakini (2019). “Mufti Selangor: Teksi motor boleh undang fitnah” Diterbitkan: Aug 22, 2019. <https://www.malaysiakini.com/news/489027>. Carian 1/10/2023.
- Majorti (2023). “Malaysia tangga ke-4 paling banyak motosikal di dunia, kerajaan digesa kaji kos sara hidup rakyat” <https://majoriti.com.my/berita/2023/02/03/malaysia-tangga-ke-4-paling-banyak-motosikal-di-dunia-kerajaan-digesa-kaji-kos-sara-hidup-rakyat>. Carian: 1/10/2023.
- Mohammad Shukri Bin Mohamad (2014). Himpunan Fatwa Negeri Kelantan. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Mohd Azhar, Abdullah (2021). *Pedoman Pergaulan Antara Lelaki Dengan Perempuan*. Kota Bharu: Mahaad Tahfiz al-Quran Darul Huffaz.
- Moto Malaysia (2023). Best Underbone Bike Model In Malaysia (2023). <https://www.motomalaysia.com/category/best-underbone-bike-malaysia/>. Carian 20/10/2023
- MUI (2012). Tanggapan Perempuan Terhadap Fatwa Haram Forum Musyawarah Pondok Pesantren Putri (FMP3) se-Jawa Timur di Ponpes Lirboyo (Studi Pada Perempuan Akar Rumput di Jawa Barat dan Jawa Timur Terhadap Fatwa Haram: Perempuan Tukang Ojek Atau Yang Naik Ojek) | Lestari Nurhayati Weblog (wordpress.com). 21 Februari 2012.
- NUOline (2023). Hukum Ojek Membonceng Perempuan Bukan Mahram. 23 Ogos 2023. <https://islam.nu.or.id/syariah/hukum-ojek-membonceng-perempuan-yang-bukan-mahram-JAL9N>. Carian 9/4/2024.
- OH!MEDIA (2020). Hukum Menunggang Motosikal Dengan Bukan Mahram. 20/3/2020. <https://ohmedia.my/ohislam/hukum-menunggang-motosikal-dengan-bukan-mahram/>. Carian: 17/10/2023.
- Pandulaju.com (2023). #TahukahAnda: Apakah Jenis Motosikal Terbaik untuk Saya?. <https://pandulaju.com.my/tahukahanda-apaakah-jenis-motosikal-terbaik-untuk-saya/> Carian: 20/10/2023.
- Qal'aji (1988), Muhammad Rawwas dan Dr. Hamid Sodiq. *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'*. Beirut: Dar al-Nafai's.
- Al-Qaradawi (1998). *Fatawa Mu'asarah*. Cet. ke-3. Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Al-Qurtubi (1999). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Tahqiq; Sidqi Jamil al-'Attar dan 'Urfan al-'Asya'. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Sharbini (1994), Muhammad Bin al-Khatib. *Al-Iqna' fi Hill Alfaz Abi Shuja'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sharbini (2020), Muhammad Bin al-Khatib. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Manhaj*. T.tmp: Dar al-Muhajir.
- Shata al-Dimyati (1997), Abu Bakr. *Hashiyah 'I'annah al-Talibin*. Thailand: Maktabah Muhammad al-Hady wa Awladih.
- Sinar Harian (a. 2019). Kaji Gojek menerusi sudut perundangan syariah. 23 Ogos 2019. <https://www.sinarharian.com.my/article/44424/berita/nasional/kaji-gojek-menerusi-sudut-perundangan-syariah>. Carian: 20/10/2023.

- Sinar Harian (b. 2019). Apa Itu Gojek. <https://www.sinarharian.com.my/article/44497/infografik/apa-itu-gojek> 23 Ogos 2019. Carian: 9/4/2024.
- Serambinews (2023). Hukum Driver Ojek Online Membonceng Perempuan Bukan Mahram, Bolehkah?. 29 Mei 2023. <https://aceh.tribunnews.com/2023/05/29/hukum-driver-ojek-online-membonceng-perempuan-bukan-mahram-bolehkah>. Carian: 17/10/2023.
- Al-Subki, 'Abd al-Wahhab Bin Taqyuddin (2007). *Al-Ashbah wa al-Naza'ir*. Beirut. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Wikipedia (2020). Teksi Motosikal. https://ms.wikipedia.org/wiki/Teksi_motosikal. Akses 21/3/2020.
- Wikipedia (2023). Tutk-Tuk. <https://ms.wikipedia.org/wiki/Tuk-tuk>. Carian: 20/10/2023.
- Zaydan (1994), 'Abd al-Karim. *Al-Mufasssal fi al-Ahkam al-Mar'a wa al-Bit al-Muslim fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Syria: Mu'asasah al-Risalah.
- Al-Zuhayli, Wahbah (1997). *Al-Tafsir al-Munir*. Beirut: Dar al-Fikr.